

CERITA LEGENDA DALAM KALANGAN MASYARAKAT CINA PERANAKAN KELANTAN

SITI HAJAR SABRI
Universiti Kebangsaan Malaysia
a176024@siswa.ukm.edu.my

*MUHD NORIZAM JAMIAN**
Universiti Kebangsaan Malaysia
norizam@ukm.edu.my

** Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan perihal cerita legenda dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Legenda merupakan cerita rakyat berbentuk prosa naratif yang memaparkan sejarah yang baharu berlalu, dipercayai benar-benar berlaku oleh masyarakat penuturnya namun tidak dianggap sakral. Kajian dilakukan di Kampung Merabang Bachok, Kelantan. Analisis mengenai peranan cerita legenda dilakukan berdasarkan konsep legenda yang dikemukakan oleh Mohd Taib Osman (1991). Kajian yang dilakukan memperlihatkan bahawa cerita legenda dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan Kelantan adalah sebuah khazanah budaya yang berharga. Justeru, kajian yang dilakukan adalah bagi merungkaikan permasalahan bagaimanakah perkembangan cerita legenda yang terdapat dalam masyarakat Cina Peranakan Kelantan khususnya daripada segi peranannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kajian kepustakaan, kajian lapangan dan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa cerita legenda mempunyai peranan yang tersendiri dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Cerita legenda berperanan sebagai saluran didaktik, mengukuhkan kepercayaan, medium hiburan dan membentuk jati diri. Cerita legenda yang diperturunkan daripada generasi ke generasi memperlihatkan identiti kaum masyarakat ini masih terjaga dan terdapat kepentingannya yang berperanan dalam kehidupan seharian sehingga ke hari ini.

Kata Kunci: Cerita legenda; cerita rakyat; Cina Peranakan; Kelantan; peranan

LEGENDARY STORIES AMONG THE PERANAKAN CHINESE COMMUNITY OF KELANTAN

ABSTRACT

This paper discusses legendary stories among the Peranakan Chinese community of Kelantan. A legend is a folk tale in the form of narrative prose that displays recent history, believed to have really happened by the community but not considered sacred. The study was conducted in Kampung Merabang Bachok, Kelantan. Analysis of the function of legendary stories is based on the concept of legend presented by Mohd Taib Osman (1991). The research conducted shows that legendary stories among the Peranakan Chinese community of Kelantan are a

valuable cultural treasure. Therefore, the research done is to unravel the problem of how the legend story developed in the Peranakan Chinese community of Kelantan, especially in terms of its function. This study uses a qualitative approach that involves literature review, field research and content analysis. The results of the study found that legendary stories have a unique function among the Peranakan Chinese community of Kelantan. Legendary stories act as a didactic channel, strengthen beliefs, a medium of entertainment and shape one's identity. Legendary stories passed down from generation to generation show that the identity of this community is still maintained and there is an importance in terms of its function in daily life until today.

Keywords: Legends; folklore; Peranakan Chinese; Kelantan; function

PENGENALAN

Legenda adalah cerita lisan yang disampaikan daripada generasi ke generasi. Secara umumnya, cerita lisan disampaikan dari mulut ke mulut dan setiap cerita mempunyai ciri tauladan atau pengajarannya yang tersendiri yang boleh dijadikan sebagai suatu bentuk pendidikan kepada masyarakat (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1999). Cerita lisan ini terbentuk hasil daripada falsafah pemikiran dan corak kehidupan masyarakat seharian yang berlatarbelakangkan alam persekitaran yang menjadi suatu keperluan dalam kehidupan. Sebagai sebahagian daripada sastera rakyat, cerita legenda bersifat universal dan dianggap milik bersama masyarakat (Mohd Firdaus, 2022). Cerita legenda adalah sebahagian daripada kebudayaan dalam masyarakat tradisi yang bertujuan mendidik generasi seterusnya mengenai adat, pantang larang, kepercayaan dan prinsip hidup. Oleh itu, masyarakat secara tidak langsung mendapat manfaat dan bersatu hati kesan daripada pengajaran yang diperoleh daripada cerita rakyat ini.

Legenda merupakan sebahagian sastera rakyat yang memaparkan kisah berkaitan sejarah tokoh, tempat atau peristiwa. Cerita legenda adalah cerminan kepada sejarah sesuatu masyarakat di dunia. Legenda menjadi perakam sejarah, budaya bangsa dan roman sejarah rakyat. Oleh itu, cerita lisan seperti legenda ini banyak ditemui dalam pelbagai masyarakat dan setiap versi ceritanya adalah berbeza mengikut amalan, kepercayaan dan budaya masyarakat itu sendiri. Walaupun cerita-cerita tersebut wujud dalam lingkungan masyarakat yang terpencil atau tersendiri namun ciri-ciri persamaan dengan cerita rakyat masyarakat lain tetap terpapar meskipun tinggal jauh beribu-ribu batu (Rogayah & Wardati, 2007). Di Malaysia, cerita legenda bukan sahaja terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu, Orang Asli, atau peribumi Sabah dan Sarawak bahkan dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan. Cerita legenda masih lagi menjadi sebahagian kepercayaan dan amalan dalam kehidupan mereka sehingga ke hari ini.

Kelompok masyarakat Cina Peranakan turut terdapat di negeri Kelantan. Menurut Tan, Kamarudin & Sezali (2017), perkataan Peranakan sebenarnya membawa maksud kelahiran tempatan. Oleh itu, Cina Peranakan turut dikenali sebagai "Cina Kelahiran Kelantan". Dalam masyarakat Cina hanya keturunan daripada nasab bapa sahaja diwarisi oleh generasi mereka. Perubahan akulturasi oleh masyarakat Cina Peranakan Kelantan bukan sahaja menjadikan identiti mereka lain daripada Cina jati malah wujud juga identiti tambahan iaitu daripada masyarakat Siam. Proses akulturasi imigran Cina turut melibatkan penerimaan identiti Siam selain daripada Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana berlaku juga perkahwinan campur dengan wanita Siam dan amalan-amalan budaya daripada masyarakat Siam ini diterima oleh generasi yang seterusnya. Kedudukan geografi di negeri Kelantan yang bersempadankan

dengan Siam menjadi salah satu faktor berlakunya kewujudan komuniti ini. Justeru, identiti Cina Peranakan Kelantan adalah kompleks iaitu melibatkan tiga identiti yang berbeza iaitu Cina, Melayu dan Siam.

Masyarakat Cina Peranakan Kelantan merupakan sebuah kelompok masyarakat yang unik kerana mempunyai budaya tersendiri. Hal ini termasuk juga cerita lisan yang masih lagi diwarisi turun-temurun oleh generasi muda sehingga ke hari ini. Namun kajian tentang cerita lisan masyarakat Cina Peranakan Kelantan masih lagi tidak banyak dilakukan. Hal ini dapat dilihat apabila kajian yang dilakukan sebelum ini hanya memfokuskan kepada cerita lisan seperti perbandingan cerita mitos Melayu dan Cina berdasarkan teks yang telah diterbitkan. Terdapat juga kajian masyarakat Cina Peranakan Kelantan sebelum ini yang hanya memfokuskan kepada perspektif kebudayaan, produk pelancongan dan sebagainya. Justeru kajian ini dilakukan bagi merungkaikan permasalahan bagaimanakah perkembangan cerita legenda yang terdapat dalam masyarakat Cina Peranakan Kelantan agar masyarakat dapat didedahkan dengan cerita lisan yang unik ini. Sehubungan itu, kajian ini menggariskan dua objektif. Pertama, mengumpul dan mendokumentasikan cerita legenda masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Kedua, menganalisis peranan cerita legenda tersebut dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan Kelantan.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa tulisan berkaitan tradisi lisan masyarakat Kelantan telah dihasilkan oleh para pengkaji. Tulisan-tulisan tersebut meliputi kajian tentang cerita lisan masyarakat Kelantan yang memfokuskan kepada aspek sosiobudaya, pelancongan dan nilai-nilai murni. Kajian yang menyentuh masyarakat Cina Peranakan Kelantan pula lebih menumpukan perspektif sejarah dan asimilasi budaya.

Tulisan Kee Ming-Yuet (2009) menelusuri sejarah masyarakat Cina Peranakan yang telah datang ke Tanah Melayu berabad lamanya. Pada asalnya, kedatangan masyarakat Cina ke Tanah Melayu adalah kerana tarikan ekonomi seperti sumber galian dan bahan mentah. Faktor inilah yang menyebabkan berlakunya migrasi orang Cina dari Thailand ke Kelantan. Oleh itu, wujudlah Cina Bandar dan Cina Kampung yang dikatakan berbeza dengan masyarakat Cina negeri-negeri lain di Malaysia. Istilah peranakan yang diberikan kepada mereka bermaksud kelahiran tempatan.

Sementara itu, Muhammad Faris & Muhammad Faisal (2020) telah menjalankan kajian tentang *Asimilasi Masyarakat Cina dengan Orang Melayu di Kelantan*. Masyarakat Cina Kelantan mempunyai hubungan yang unik dan kuat dengan masyarakat Melayu Islam. Mereka banyak melakukan pelbagai aktiviti bersama masyarakat Melayu dengan turut sama bergaul, makan bersama dan bercakap dalam dialek Melayu Kelantan. Namun demikian, asimilasi yang berlaku ini tidaklah mempengaruhi mereka kepada agama Islam sebaliknya mereka cenderung kekal mengamalkan agama dan kepercayaan mereka.

Hal ini ditegaskan dalam kajian oleh Mohd Shahrul Imran Lim (2013) yang bertajuk *Pengekalan dan Perubahan Identiti Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan*. Kajian ini adalah berkenaan pembinaan identiti komuniti yang semakin penting kepada negara berbilang bangsa, termasuk Malaysia. Tujuan kajian dilakukan adalah bagi mengkaji pengekalan dan perubahan identiti komuniti Cina Peranakan Kelantan di Kampung Pasir Parit yang telah berasimilasi dengan budaya masyarakat setempat.

Kajian tentang cerita lisan masyarakat Kelantan pula dapat dilihat dalam *Repertoire Cerita Menora: Dokumentasi berasaskan Cerita Lisan Masyarakat Siam di Bukit Yong* oleh Mohamad Nazri, Hanapi, Baharin dan Mohamad Anwar (2010). Kajian ini meliputi pendokumentasian cerita-cerita induk menora, sejenis seni persembahan yang tumbuh dalam

masyarakat Siam di Segenting Kra. Dokumentasi yang dilakukan adalah berasaskan cerita yang diberikan oleh seorang informan yang tinggal di Kampung Bukit Yong, Pasir Puteh, Kelantan.

Satu lagi kajian berkaitan cerita lisan masyarakat Kelantan telah dilakukan oleh Baharin, Hanapi dan Mohamad Nazri (2011) dengan tumpuan diberikan kepada tradisi bercerita dalam kalangan masyarakat Siam. Tradisi ini sudah lama wujud dalam komuniti ini sebelum mereka berhijrah ke Kelantan lagi dan menjadi sebahagian daripada identiti budaya mereka. Salah satu daripada tradisi yang paling menonjol ialah menora. Menora ialah dramatari yang dipersembahkan semasa perayaan atau keraian tertentu yang mengandungi beberapa cerita. Cerita-cerita itu dituturkan oleh tukang cerita profesional. Hasil kajian mendapati cerita-cerita dalam persembahan menora mempunyai kepentingan dan fungsi sosial serta keagamaan.

Kajian yang memfokuskan tradisi lisan masyarakat Cina Kelantan pula dilakukan oleh Mohamad Nazri, Hanapi dan Teo (2011). Kajian berjudul *Penghayatan Tradisi Lisan Melayu dalam Kalangan Masyarakat Cina Kelantan* melibatkan tiga jajahan iaitu Tumpat, Kota Bharu dan Pasir Mas. Kajian lapangan yang dilakukan adalah di kawasan kediaman orang Cina. Kajian ini menekankan aspek sosiobudaya seperti bahasa, pakaian, makanan, kraf tangan, kesenian dan kaedah perubatan. Data kajian menunjukkan bahawa berlaku asimilasi antara budaya Melayu dan Siam dalam kalangan masyarakat Cina Kelantan dengan adanya penerimaan budaya tempatan dalam amalan harian mereka.

Kajian perbandingan antara cerita mitos Melayu dan Cina pula telah dilakukan oleh Norazimah, Rusniyati & Siti Nor Amira (2013). Dengan berpandukan Model Kepengarangan Melayu Tradisi dalam Melihat Manuskrip Sejarah Melayu sebagai Sumber Warisan Negara, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sifat universal iaitu persamaan dan perbezaan dalam cerita mitos yang berlainan budaya. Perbandingan cerita yang dilakukan adalah bagi membuka ruang dan minda masyarakat mengenai kepentingan didikan yang disampaikan melalui unsur-unsur pengajaran dalam cerita mitos itu sendiri dan boleh memahami budaya masyarakat dahulu.

Hubungan cerita lisan dengan produk pelancongan pula dapat dilihat menerusi kajian Ruhaiza, Habibah, Hamzah, Mushrifah dan Mohamad Kazar (2017). Kajian ini meneliti penggunaan unsur mitos dan legenda dalam konteks pelancongan semasa dan menganalisis perspektif komuniti mengenai peluang-peluang membangunkan mitos dan legenda Tasik Chini sebagai produk pelancongan. Seterusnya, kajian ini melibatkan komuniti setempat iaitu tiga buah kampung, antaranya Kampung FELDA, Kampung Baru Salong dan perkampungan Orang Asli Kampung Gulum. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan komuniti mengenai mitos dan legenda Tasik Chini berada pada tahap tinggi yang mana majoriti responden mempunyai pengetahuan tentang keunikan Tasik Chini.

Sementara itu, kajian Muhammad Nur Al-Hakim & Mohd Firdaus (2021) pula menganalisis nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita lisan Melayu bersandarkan Teori Takmilah. Kajian ini dijalankan kerana sebahagian masyarakat pada hari ini menganggap cerita lisan Melayu sebagai karya yang tidak memiliki ilmu pengetahuan, rekaan semata-mata, membosankan, membodohkan dan tidak memiliki nilai-nilai Islam yang dapat membentuk sahsiah dan akhlak kepada manusia. Kajian ini membuktikan kepada masyarakat mengenai penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat lisan Melayu yang tujuan mendidik masyarakat Melayu menjadi lebih berakhlak dan berjiwa mulia.

Struktur naratologi dan citra ibu dalam cerita legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis* pula dikupas oleh Muhammad Irfan Waqiuddin & Muid Norizam (2021). Hasil kajian mendapati bahawa legenda anak derhaka dalam cerita *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang* dan *Nakhoda Manis* mempunyai struktur cerita yang berbeza. Meskipun ketiga-tiga legenda menunjukkan banyak ciri persamaan, namun terdapat beberapa perbezaan yang mengangkat identiti karya setiap negara, iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei. Hasil kajian juga menunjukkan citra ibu dalam legenda anak derhaka adalah seperti pasrah dengan

ketentuan Tuhan dan imej wanita paling setia. Setiap kisah legenda ini meletakkan ketinggian martabat seorang ibu dalam institusi kekeluargaan bukan sahaja dalam budaya Melayu Nusantara bahkan juga dalam agama Islam.

Kajian Mohd Firdaus (2022) pula mengenal pasti dan menganalisis aspek akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan. Kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan yang seharusnya diketengahkan untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat Melayu. Akal budi sering kali diterapkan dalam penceritaan cerita rakyat oleh generasi lama bagi mendidik anak-anak muda akan adat resam, kebudayaan setempat dan undang-undang peradaban masyarakat Melayu.

Berdasarkan kajian lepas tersebut, terdapat kelompangan yang dikenal pasti terhadap kajian cerita legenda sebelum ini. Sehubungan itu, makalah ini mengisi kelompangan tersebut dengan menjalankan kajian terhadap cerita legenda masyarakat Cina Peranakan Kelantan menggunakan konsep legenda oleh Mohd Taib Osman sebagai panduan untuk menganalisis dan juga merungkaikan perkembangan cerita lisan dalam masyarakat tersebut. Aspek peranan cerita legenda diberikan penekanan dalam makalah ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan metodologi kualitatif. Dalam metodologi kualitatif ini terdapat tiga kaedah penyelidikan yang diguna pakai iaitu, kaedah kajian kepustakaan, kajian lapangan dan analisis kandungan.

Pada tahap pertama, kaedah kajian kepustakaan dilakukan. Kajian kepustakaan digunakan bagi mendapatkan bahan-bahan untuk dijadikan sebagai rujukan iaitu seperti buku ilmiah, jurnal dan kamus. Bahan-bahan ini dirujuk dari Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Institusi Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu juga rujukan daripada sumber laman sesawang yang boleh dipercayai turut dilakukan bagi memantapkan lagi maklumat yang sedia ada seperti jurnal elektronik serta laman web Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Pada tahap kedua, proses kajian lapangan dilakukan menerusi temu bual secara atas talian terhadap responden yang merupakan penduduk di Kampung Merabang Bachok, Kelantan. Sesi temu bual telah dilakukan pada 5 November 2021 jam 10 pagi. Temu bual ini dijalankan untuk memperoleh maklumat secara lebih terperinci tentang cerita legenda yang terdapat dalam masyarakat Cina Peranakan Kelantan di kampung tersebut.

Pada tahap terakhir, penganalisan kandungan dilakukan terhadap cerita legenda yang berjaya dikumpulkan. Cerita-cerita tersebut diklasifikasikan berdasarkan konsep legenda oleh Mohd Taib Osman (1991). Analisis juga turut dilakukan terhadap peranan cerita legenda dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan Kelantan.

CERITA LEGENDA

Legenda merupakan cerita bercorak naratif berlatarbelakangkan kisah masa lampau yang masih lagi boleh diingati oleh sesebuah masyarakat yang berpegang pada cerita lisan tersebut. Cerita legenda terhasil apabila pengalaman masa lampau dihubungkan dengan kekinian yang dipercayai benar oleh yang bercerita dan menerimanya. Tambahan lagi cerita yang disampaikan mempunyai tanda atau tinggalan di persekitaran yang menguatkan dan mensahihkan lagi kandungan cerita lisan tersebut (Mohd Taib, 1991). Selain itu, cerita legenda berkaitan dengan tokoh-tokoh yang mempunyai kekuatan luar biasa, kuasa ghaib atau supernatural. Legenda mengisahkan tentang tokoh atau peristiwa masa lampau dan mungkin

bertimbang balik dengan cerita asal usul atau penerangan sesuatu peristiwa. Cerita-cerita sebegini turut dikenali sebagai *folktales*, *folk-tales* atau *marchen*. Sebagai kisah yang diwarisi secara lisan, cerita legenda terdedah kepada tokoh tambah dan pengurangan sehingga melahirkan pelbagai versi. Walaupun dipercayai benar oleh masyarakat pendukung, cerita legenda ini tidaklah dianggap suci dan kudus sehingga dianggap sebahagian daripada dogma.

Berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan di Kampung Merabang Bachok, Kelantan, tiga buah cerita legenda masyarakat Cina Peranakan Kelantan telah berjaya dikumpulkan. Semua cerita tersebut menepati ciri-ciri legenda yang telah dikupas oleh Mohd Taib (1991). Sebagai legenda, cerita-cerita tersebut ditokohi oleh watak manusia yang dikurniakan sifat luar biasa dan dibantu oleh kuasa atau makhluk ajaib. Struktur cerita pula adalah sederhana, berbentuk anekdot ringkas dan tidak mempunyai plot yang rumit. Ketiga-tiga kisah legenda yang berjaya dikumpulkan adalah Legenda Chang E & Hou Yi, Legenda Perayaan Qixi atau Valentine Cina (Kisah Penggembala Lembu dan Gadis Penenun) dan Legenda Dewi Mazu dan Kelahiran Lin Moniang (Siti Hajar, 2022).

Legenda Chang E & Hou Yi

Legenda Chang E & Hou Yi adalah sebuah kisah yang diceritakan sempena perayaan kuih bulan dan pesta tanglung ataupun dikenali sebagai '*zhōng qiū jié*' dalam bahasa Cina. Kisah ini dipercayai berlaku pada suatu masa dahulu yang mana terdapat sepuluh matahari di langit. Matahari-matahari ini merentungkan semua tanaman dan membunuh segala hidupan di atas muka bumi. Pada suatu hari, seorang pemanah iaitu Hou Yi bertindak menjatuhkan sembilan matahari menggunakan panahnya dan hanya satu matahari sahaja ditinggalkan untuk manfaat manusia. Tindakan Hou Yi itu telah memberi manfaat kepada penduduk bumi kerana telah berjaya menyelamatkan manusia daripada kebuluran. Sejak itu, Hou Yi telah dijadikan wira rakyat atas jasa yang disumbangkannya. Kemudian, maharaja dewa telah menghadiahkan sebiji ubat hidup abadi kepada Hou Yi untuk dimakan namun Hou Yi enggan berbuat demikian kerana amat menyayangi isterinya iaitu Chang E. Hou Yi tidak mahu meninggalkannya seorang diri di bumi. Oleh itu, Hou Yi telah menyerahkan ubat tersebut kepada isterinya untuk disimpan di tempat yang selamat. Hou Yi kemudian menjadi popular atas jasanya itu dan semenjak itu ramai orang mendekati dan ingin menjadi anak muridnya. Kebanyakan daripada mereka diterima oleh Hou Yi dan salah satu anak muridnya ialah Peng.

Apabila mengetahui tentang ubat hidup abadi itu, Peng bertekad untuk mencuri ubat tersebut untuk kepentingannya sendiri. Pada suatu hari, Hou Yi dan anak-anak muridnya pergi ke kawasan gunung kecuali Peng yang berpura-pura sakit. Setelah memastikan bahawa Hou Yi sudah beredar dari rumah, Peng pergi ke rumah Hou Yi dan memaksa Chang E menyerahkan ubat itu kepadanya. Chang E menyedari bahawa dia tidak mampu untuk melawan Peng dan tidak mempunyai pilihan lain lagi. Akhirnya, Chang E memutuskan untuk menelan ubat itu dan setelah dia menelannya, Chang E kemudian terbang jauh dari bumi. Disebabkan Chang E tidak sanggup meninggalkan suami tersayang dia memutuskan untuk memilih bulan sebagai tempat dia berehat dan berada lebih dekat lagi dengan suaminya. Semenjak itu, Chang E telah menetap di bulan agar sentiasa dekat dengan suaminya yang tinggal di bumi. Hou Yi pula apabila mendengar berita bahawa isterinya sudah tiada di bumi, berasa sedih dan sebak kerana telah kehilangan isterinya. Dia kemudian kembali ke rumah dan mengalihkan sebuah meja di bawah bulan dan menghidangkan makanan di atas meja itu dengan harapan bahawa isterinya akan kembali lagi ke bumi. Setelah itu, Hou Yi telah menjumpai bayang-bayang wanita seiras Chang E pada bulan dan sejak itu dia sentiasa memanggil isterinya agar kembali ke sisinya. Peristiwa ini telah memberi makna yang besar dan sejak itu ramai orang menyambut perayaan ini dengan menghidangkan pelbagai jenis makanan untuk

menyembah bulan. Legenda ini menjawab persoalan asal usul perayaan kuih bulan yang disambut oleh masyarakat Cina Peranakan di Kelantan.

Legenda Perayaan Qixi atau Valentine Cina (Kisah Penggembala Lembu dan Gadis Penenun)

Perayaan *Qixi* (七夕) ataupun *Valentine* Cina adalah berasal daripada kisah penggembala lembu dan gadis penenun. Gadis penenun ialah penduduk syurga yang jatuh cinta dengan penggembala lembu di dunia yang fana. Niu Lang (牛郎) ialah seorang anak yatim piatu di *Niujiazhuang* (牛家庄). Dia mempunyai seekor lembu tua yang ajaib. Pada suatu hari, gadis penenun iaitu *Zhinv* (织女) dan enam orang kakaknya turun bermain dan mandi di sungai. Lembu tua itu memujuk Niu Lang untuk berjumpa dengan pari-pari tersebut, dan memberitahu Niu Lang bahawa jika pari-pari itu tidak boleh kembali ke syurga sebelum subuh, mereka akan tinggal di dunia dan tidak boleh kembali ke syurga lagi. Oleh itu, Niu Lang menunggu di tepi sungai dan mengintai ketujuh pari-pari itu. Dia mendapati bahawa pari-pari yang bongsu itu sangat cantik dan tanpa disedari dia jatuh cinta dengan *Zhinv*. Niu Lang teringat perkara yang diberitahu oleh lembu tuanya dan dia secara senyap mengambil pakaian *Zhinv* itu. Kesemua pari-pari itu mandi di sungai dengan seronoknya dan apabila semua pari-pari hendak kembali ke syurga, *Zhinv* mendapati bahawa pakaiannya hilang dan dia tidak boleh kembali ke syurga. Niu Lang kemudiannya bertemu dengan *Zhinv* dan memberikan kembali bajunya. Selepas itu, Niu Lang membawa balik *Zhinv* ke rumahnya dan menjaganya dengan baik. Sejak itu, *Zhinv* menjadi isteri Niu Lang. Setelah berkahwin, mereka berdua bertani dan menenun. Kehidupan mereka juga sangat bahagia apabila dikurniakan seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Namun, tanpa diduga, apabila Maharaja Syurga mengetahui perkara tersebut dia menghantar Ibu Permaisuri untuk membawa balik *Zhinv* kembali ke syurga.

Pada ketika itu, Niu Lang berasa sangat sedih dan menangis dalam pelukan anak-anaknya. Sebelum lembu tua mati, dia meminta Niu Lang untuk memakai kulitnya agar dia boleh membawa anak-anaknya ke syurga untuk mencari *Zhinv*. Niu Lang melakukan seperti yang diberitahu oleh lembu tua dan membawa anak-anaknya ke langit. Ketika dia hendak mengejar *Zhinv*, Ibu Permaisuri tiba-tiba menarik jepit rambut emas dan membiarkan di udara. Dia mencakar sebatang sungai yang luas di angkasa untuk memisahkan kedua-dua kekasih itu buat selamanya. *Zhinv* terpaksa duduk di sebelah sungai dan menenun dengan rasa pilu buat selamanya, sementara Niu Lang merenunginya dari jauh dan menjaga kedua-dua anaknya. Tangisan *Zhinv* dan Niu Lang serta anak-anak mereka menggerakkan rasa simpati burung murai. Setiap tahun pada 7 Julai, terdapat banyak burung murai yang mendirikan jambatan murai iaitu '*QueQiao*' (鹊桥) di atas bintang Deneb pada buruj Cygnus agar pasangan itu bersama lagi selama semalam, iaitu malam ketujuh dalam bulan ketujuh.

Legenda Dewi Mazu dan Kelahiran Lin Moniang

Kisah Lin Moniang ini mempunyai hubungan dengan pendewaan Dewi Mazu. Dewi Mazu amat popular dalam kalangan masyarakat Hokkien. Sesetengah orang Cina daripada dialek lain juga turut menyembah dewa ini dengan panggilan yang berbeza. Sebagai contohnya seperti orang Hakka mengenali dewi ini sebagai Shuimuniang. Orang Hainan pula mengenali dewi ini sebagai Pomu.


Mereka mempercayai bahawa dewi ini yang telah melindungi nenek moyang mereka semasa menyeberangi Laut China Selatan untuk sampai ke Tanah Melayu. Oleh itu, hubungan Dewa Mazu ini dikatakan merupakan pendewaan kepada seorang perempuan yang bernama Lin Moniang. Lin Moniang lahir di sebuah perkampungan nelayan di wilayah Fujian semasa

pemerintahan kerajaan Song Utara. Semasa kelahirannya, terdapat lingkaran cahaya keemasan di atas rumahnya dan situasi ini merupakan suatu petanda ajaib. Beliau dinamakan Lin Moniang kerana selepas sebulan kelahirannya, dia tidak pernah menangis. Dalam bahasa Mandarin perkataan 'Mo' bermaksud senyap. Lin Moniang dipercayai mempunyai kuasa keajaiban dalam meramal perubahan cuaca. Disebabkan kelebihan itu, hidupnya penuh dengan kisah beliau yang menggunakan kuasa keajaibannya itu untuk menyelamatkan nelayan yang dilanda ribut.

PERANAN CERITA LEGENDA

Cerita legenda memainkan peranan yang penting dalam sesebuah masyarakat. Cerita legenda berpotensi mendidik masyarakat ke arah yang lebih baik. Nilai-nilai budaya dan norma-norma sosial dalam kehidupan dapat ditanamkan dalam diri sebagai asas pegangan untuk membina kehidupan kemasyarakatan yang kompleks ke arah yang lebih dinamik.

Hal yang sama turut dapat dilihat dalam cerita legenda masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Legenda bukan sekadar sebuah cerita semata-mata namun turut mempunyai peranan tersendiri dalam masyarakat (Mohd Taib, 1991). Menurut Mohd Taib (1991), peranan yang dimainkan oleh cerita legenda ialah sebagai saluran didaktik, mengukuhkan kepercayaan, medium hiburan dan membentuk jati diri (Rajah 1).



RAJAH 1. Peranan Cerita Legenda

Didaktik

Legenda berperanan sebagai medium didaktik dalam masyarakat. Secara umumnya, didaktik bermaksud mengajar atau mendidik masyarakat untuk menjalani kehidupan harian dengan baik. Cerita legenda boleh dimanfaatkan sebagai suatu alat pendidikan secara tidak langsung kepada masyarakat khususnya generasi muda. Dengan adanya penyampaian cerita legenda ini, masyarakat bukan sahaja mendapat ilmu pengetahuan malah dapat menjadikan cerita tersebut sebagai teladan dan peringatan untuk hari kemudian.

Peranan cerita legenda sebagai penanam unsur didaktik turut dapat dilihat dalam legenda masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Sebagai contoh, elemen-elemen teladan dan nasihat terkandung dalam cerita legenda Perayaan Qixi atau Valentine Cina yang turut dikenali sebagai kisah Penggembala Lembu dan Gadis Penenun. Pada bahagian awal, cerita ini mencorakkan pengalaman yang membahagiakan pada watak utama iaitu kisah cinta NiuLang dan Zhinx yang bertemu di sungai dan berkahwin. Kemudian pada bahagian akhir, kisah mereka bertukar

menjadi sedih kerana cinta mereka tidak direstui dan melanggar peraturan di syurga. Oleh itu, mereka dipisahkan semula iaitu NiuLang dikehendaki untuk kembali ke syurga bersama anaknya dan Zhinx pula perlu tinggal di bumi. Kesedihan yang dialami mereka memberikan pengajaran kepada masyarakat bahawa kebahagiaan itu tidak akan kekal lama sekiranya tidak mendapat restu serta reda Tuhan dan orang tua. Cerita ini juga memberikan pengajaran bahawa sesiapa yang melanggar peraturan dalam kehidupannya akan mendapat hukuman dan kesengsaraan atas apa yang telah dilakukannya.

Oleh itu, jelaslah bahawa cerita legenda ini berperanan mendidik dan memberi pengajaran kepada masyarakat. Hal ini kerana perjalanan cerita yang disusun telah memperlihatkan bahawa ada sahaja sebab dan akibat yang perlu ditempuhi oleh seseorang manusia atas pilihan tindakan dalam hidupnya. Dalam konteks masyarakat hari ini, cerita ini masih lagi popular dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Justeru itu, masyarakat Cina Peranakan Kelantan mengambil iktibar dan teladan terhadap pengajaran yang disampaikan menerusi cerita legenda tersebut. Unsur-unsur didaktik ini boleh dicerna dan dicerap oleh khalayak sebagai panduan serta ingatan dalam menjalani kehidupan seharian.

Kepercayaan

Elemen kepercayaan dalam cerita legenda kebiasaannya berkait rapat dengan kepercayaan dan agama yang dianuti dalam kelompok masyarakat tersebut. Sekiranya kelompok tersebut menganut agama Hindu, cerita legenda yang disampaikan sering berkait dengan kepercayaan tersebut dengan melibatkan elemen penyembahan dewa-dewi dan sebagainya. Cerita legenda dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam pula kaya unsur-unsur keislaman dan akidah tauhid. Begitu juga dengan cerita legenda masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Mereka mempunyai kepercayaan terhadap cerita legenda yang berunsurkan kepada agama Buddha. Meskipun corak pemikiran masyarakat kini sudah berubah sesuai dengan keadaan semasa namun kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat ini menguatkan mereka untuk terus berpegang pada kebenaran cerita tersebut walaupun ia melanggar dengan hukum alam dan logik akal fikiran manusia.

Antara cerita legenda yang masih lagi dipercayai kebenarannya oleh masyarakat Cina Peranakan Kelantan sehingga kini adalah seperti kisah Dewi Mazu yang mempunyai kaitan dengan kelahiran Lin Moniang (Siti Hajar, 2022). Cerita ini masih lagi mendapat pengesahan dan kepercayaan mereka bersandarkan kepada agama Buddha yang dianuti. Dalam cerita ini, pengisian cerita yang mengukuhkan kepercayaan mereka adalah kerana ia bersifat keajaiban iaitu *supernatural*. Sifat keajaiban dan watak dalam cerita yang luar biasa membuatkan masyarakat berasa yakin dan mengingati kisah tersebut. Sebagai contohnya, peristiwa semasa Dewi Mazu yang telah melindungi nenek moyang mereka semasa menyeberangi Laut China Selatan untuk sampai ke Tanah Melayu. Oleh itu hubungan Dewa Mazu ini dikatakan merupakan pendewaan kepada seorang perempuan yang bernama Lin Moniang. Lin Moniang lahir di sebuah perkampungan nelayan di wilayah Fujian semasa pemerintahan kerajaan Song Utara. Semasa kelahiran Lin Moniang, terdapat lingkaran cahaya keemasan di atas rumahnya dan situasi ini merupakan suatu petanda ajaib. Lin Moniang juga dipercayai mempunyai kuasa keajaiban dalam meramal perubahan cuaca. Disebabkan kelebihan itu, hidupnya penuh dengan kisah beliau yang menggunakan kuasa keajaibannya itu untuk menyelamatkan nelayan yang dilanda ribut.

Berdasarkan daripada kisah tersebut, ketakjuban terhadap kuasa ajaib yang ada pada watak dalam cerita menguatkan kepercayaan masyarakat ini untuk membenarkan cerita tersebut walaupun ia tidak logik pada akal fikiran manusia. Tambahan lagi cerita ini mempunyai kaitan dengan kisah nenek moyang mereka yang sanggup menyeberangi Laut China Selatan untuk menuju ke Tanah Melayu. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya masyarakat

Cina Peranakan Kelantan amat menghormati Dewi Mazu sehingga sekarang disebabkan oleh cerita legenda yang menjadi penguat kepercayaan mereka.

Hiburan

Cerita legenda turut berperanan sebagai hiburan kepada masyarakat terutamanya masyarakat yang hidup pada zaman dahulu. Hiburan bermaksud sesuatu perkara yang memberikan kebahagiaan, rasa senang hati dan keseronokan kepada seseorang. Kebiasaannya, pada zaman dahulu cerita legenda ini dijadikan sebagai saluran hiburan kepada masyarakat terutamanya sewaktu masa lapang iaitu pada waktu petang atau malam selepas seharian penat bekerja.

Penyampaian cerita legenda oleh orang tua-tua menjadi wadah pelarian (*escapism*) bagi khalayak yang lebih muda untuk berhibur dan mendengar cerita yang begitu menarik lagi mengasyikkan. Biasanya, masyarakat pada zaman dahulu akan berkumpul bersama dan mendengarkan cerita-cerita ini untuk mengisi masa senggang mereka. Unsur hiburan dipaparkan melalui jalan cerita, watak dan perwatakan serta nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita legenda.

Cerita legenda dalam masyarakat Cina Peranakan Kelantan turut memainkan peranan sebagai medium hiburan kepada masyarakat. Hal ini dapat dilihat dalam kisah Legenda Dewi Mazu dan Kelahiran Lin Moniang, Legenda Perayaan Qixi atau Valentine Cina (Kisah Penggembala Lembu dan Gadis Penenun) dan Legenda Chang E dan Hou Yi (Siti Hajar, 2022). Cerita-cerita ini disampaikan dengan menarik oleh generasi yang lebih tua bagi memastikan pendengar memberikan perhatian dan terhibur dengan cerita tersebut. Unsur emosi sedih dan gembira dalam jalan cerita, elemen magis dan kuasa ajaib serta jawapan terhadap asal usul sesuatu fenomena atau kejadian mencetuskan keterujaan kepada khalayak dalam menikmati cerita legenda tersebut. Oleh yang demikian, hiburan sebegini bukan sahaja menambahkan ilmu pengetahuan malah mampu mengukuhkan hubungan keakraban antara sesama mereka apabila masing-masing bergelak ketawa bersama semasa mendengar cerita tersebut. Justeru itu, cerita legenda ini bukan sahaja mampu menjadi hiburan kepada masyarakat malah mendorong hubungan antara masyarakat bertambah erat dan wujud perasaan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Jati Diri

Secara umumnya, jati diri adalah sifat atau ciri yang unik dalam pelbagai aspek seperti adat, bahasa, budaya dan agama yang menjadi lambang kepada identiti atau keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Jati diri ini biasanya dimiliki oleh seseorang atau dalam sesuatu bangsa yang dapat dilihat secara luarannya berdasarkan nilai-nilai yang ada pada dirinya (Mohd Yusof et al., 2012). Dalam konteks ini, cerita legenda juga berperanan sebagai penanam jati diri yang membentuk sesuatu bangsa itu. Dengan adanya jati diri ini, warisan tradisi dapat dikekalkan oleh generasi pada masa akan datang. Jati diri yang dimiliki akan menjamin masa depan generasi yang lebih baik kerana tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif yang tidak sepatutnya diamalkan dalam kehidupan.

Cerita legenda turut berperanan sebagai penanam semangat jati diri dalam masyarakat. Jati diri merupakan perkara yang amat penting kerana apabila seseorang itu memiliki identiti sendiri, pemikirannya tidak akan mudah dijajah dan berubah dengan arus pemodenan. Oleh itu jati diri yang kukuh perlulah dikekalkan agar tidak mudah hilang pada masa hadapan. Antara cerita legenda yang dapat membentuk ciri identiti masyarakat Cina Peranakan Kelantan ialah seperti Legenda Dewi Mazu dan Kelahiran Lin Moniang, Legenda Perayaan Qixi atau Valentine Cina (Kisah Penggembala Lembu dan Gadis Penenun) (Siti Hajar, 2022). Cerita-cerita legenda ini jelas memaparkan identiti masyarakat Cina Peranakan Kelantan khususnya

daripada segi agama, bahasa, adat dan budaya. Sebagai contoh, peristiwa penyembahan Dewi Mazu yang mempunyai kaitan dengan kepercayaan kelahiran Lin Moniang. Selain itu, Kisah Penggembala Lembu dan Gadis Penenun pula melibatkan elemen adat dan budaya sambutan hari perayaan Qixi atau Valentine Cina yang diraikan sehingga ke hari ini.

Oleh itu, cerita legenda ini amat berperanan untuk mengukuhkan jati diri masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Justeru itu, hasil daripada pengekalannya ini juga, masyarakat Cina Peranakan Kelantan dilihat sebagai sebuah kelompok yang unik dan istimewa kerana masih mengekalkan adat dan budaya meskipun dikelilingi oleh pelbagai bangsa dan agama. Masyarakat Cina Peranakan Kelantan dikenali oleh penduduk setempat sebagai masyarakat yang boleh berasimilasi dan mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat lain meskipun berlainan identiti.

KESIMPULAN

Masyarakat Cina Peranakan Kelantan turut mempunyai kisah legenda yang tersendiri. Antaranya ialah Legenda Dewi Mazu dan Kelahiran Lin Moniang, Legenda Perayaan Qixi atau Valentine Cina (Kisah Penggembala Lembu dan Gadis Penenun) dan Legenda Chang E dan Hou Yi. Cerita legenda tersebut merupakan naratif berunsur sejarah yang baharu berlalu, dipercayai benar-benar berlaku oleh masyarakat penuturnya namun tidak dianggap sakral. Cerita legenda dikaitkan dengan tanda-tanda alam atau tinggalan sejarah sebagai bukti kebenaran untuk mensahihkan sesuatu kisah yang dituturkan oleh sesebuah masyarakat. Sebagai bentuk sastera rakyat terawal dalam masyarakat, cerita legenda diwarisi secara lisan dan menjadi hak milik bersama.

Bagi masyarakat Cina Peranakan Kelantan, cerita legenda memainkan peranan yang penting. Cerita legenda bukan sahaja saluran didaktik dalam menyampaikan pengajaran moral dan nilai kehidupan tetapi juga mengukuhkan elemen kepercayaan dalam masyarakat. Selain itu, cerita legenda juga berperanan sebagai medium hiburan dan wadah *escapism* warga masyarakat di kala senggang selain mampu membentuk jati diri bangsa. Sehubungan itu, kisah-kisah legenda ini perlu dipertahankan sebagai warisan budaya bangsa.

RUJUKAN

- Baharin Ilias, Hanapi Dollah & Mohamad Nazri Ahmad. 2011. Tradisi Bercerita Siam di Kelantan: Satu Analisa Fungsi Cerita. *Jurnal Melayu* 8: 207-232.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kee Ming-Yuet. 2009. *Peranakan Chinese Porcelain: Vibrant Festive Ware of the Straits Chinese*. Tokyo: Tuttle Publishing.
- Mohamad Nazri Ahmad, Hanapi Dollah & Teo Kok Seong. 2011. Penghayatan Tradisi Lisan Melayu dalam Kalangan Masyarakat Cina Kelantan. *Jurnal Melayu* 8: 111-13.
- Mohamad Nazri Ahmad, Hanapi Dollah, Baharin Ilias & Mohamad Anwar Omar Din. 2010. Repertoire Cerita Menora: Dokumentasi berasaskan Cerita Lisan Masyarakat Siam di Bukit Yong, Kelantan. *Jurnal Melayu* 5: 127-146.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2022. Akal Budi dalam Cerita Rakyat di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah. *Jurnal Melayu* 21(1): 129-144.
- Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. 2013. Pengekalan dan Perubahan Identiti Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan. Tesis Ijazah Sarjana Sastera di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 12 Februari 2022.

- Mohd Taib Osman. 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Othman, Jawiah Dakir, Abd. Latif Samian, Mohd. Safar Hasim, Noor Aziah Mohd Awal, Shamsul Azhar Yahya, Rosilawati Mohd. Hanapi, Noralina Omar & Mujahid Abu Bakar. 2012. Jati Diri Kebangsaan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 67-78.
- Muhammad Faris Abdul Fatah & Muhamad Faisal Ashaari. 2020. Asimilasi Masyarakat Cina dengan Orang Melayu di Kelantan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 186-198.
- Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin & Muhd Norizam Jamian. 2021. Struktur Naratologi dan Citra Ibu dalam Cerita Legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis*. *Jurnal Melayu Isu Khas Disember*: 433-453.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2021. Penemuan Nilai-nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Melayu* 20(1): 79-92.
- Norazimah Zakaria, Rusniyati Mahiyaddin & Siti Nor Amira Baharudin. 2013. Cerita Mitos dalam Dua Dunia. Kertas Kerja Model Kepengarangan Melayu Tradisi dalam Melihat Manuskrip Sejarah Melayu sebagai Sumber Warisan Negara, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, 9 Februari.
- Rogayah A. Hamid & Wardati Md. Sheriff. 2007. *Tradisi Lisan Manifestasi Cendekiawan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruhaiza Abu Bakar, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris & Mohamad Kazar Razal. 2017. Mitos dan Legenda Tasik Chini sebagai Produk Pelancongan. *Jurnal Wacana Sarjana* 1(25): 1-2.
- Siti Hajar Sabri. 2022. Cerita mitos dan legenda masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan Yao Sua, Kamarudin Ngah & Sezali Md Darit. 2017. Cina Peranakan Kampung Pasir Parit Kelantan (Pengekalan dan Penyelarasan Identiti). Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).

Biodata Penulis:

Siti Hajar Sabri adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian (Persuratan Melayu), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang tumpuan beliau ialah kesusasteraan Melayu tradisional khususnya Folklor Melayu.

Muhd Norizam Jamian adalah pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah kesusasteraan Melayu tradisional khususnya perundangan dan ketatanegaraan Melayu.